

## **FAQ Bahagian Pasca Perkhidmatan**

**Soalan:** Apakah umur persaraan wajib bagi anggota-anggota sektor awam?

**Jawapan**

Lantikan sebelum atau pada 1.10.2001 – Umur persaraan wajib adalah 55 tahun.

Lantikan pada atau selepas 1.10.2001 - umur persaraan wajib adalah 56 tahun

Lantikan pada atau selepas 1.07.2008 - Umur persaraan wajib adalah 58 tahun.

**Soalan:** Bolehkah seseorang anggota bersara pada umur 58 tahun jika ia sedang menghadapi tindakan tatatertib atau pembicaraan jenayah yang boleh berkeputusan dengan ia dibuang kerja atau disabitkan?

**Jawapan** Dalam keadaan sedemikian, anggota berkenaan tidak boleh bersara apabila mencapai umur 58 tahun. Sebaliknya perkhidmatannya hendaklah disifatkan sebagai telah dilanjutkan melampaui umur tersebut sehingga keputusan diperolehi. Sekiranya tindakan tatatertib atau pembicaraan itu tidak berkeputusan dengan ia dibuang kerja atau disabitkan, maka ia hendaklah dibersarakan dan tempoh perkhidmatan selepas umur 58 tahun dikira cuti tanpa gaji dan tidak boleh diambilkira untuk faedah persaraan

**Soalan:** Bilakah seseorang anggota boleh memohon bersara secara pilihan?

**Jawapan** Seksyen 12, Akta Pencen 1980 (Akta 227), memperuntukkan kemudahan untuk anggota perkhidmatan awam bersara secara pilihan (“optional retirement”) sekiranya berumur sekurang-kurangnya 40 tahun pada tarikh persaraan yang dipohon dan beliau mempunyai tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira tidak kurang daripada 10 tahun.

Bagi maksud untuk menentukan mula pencen boleh dibayar kepada pesara pilihan, Seksyen 12 (2) dan Seksyen 12 (3) Akta 227 memperuntukkan seperti berikut:

(i) Bagi anggota yang dilantik sebelum 12 April 1991, pencen akan mula dibayar pada 50 tahun bagi pegawai lelaki dan 45 tahun bagi pegawai perempuan; termasuk pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat rendah dan ke bawah; pegawai polis berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis; pegawai penjara berpangkat rendah daripada Penguasa; dan jururawat lelaki di hospital mental.

(ii) Bagi anggota yang dilantik pada atau selepas 12.4.1991, pencen akan dibayar apabila mencapai umur 55 tahun.

**Soalan:** Siapakah yang layak dibayar pencen apabila pesara meninggal dunia?

**Jawapan** Tanggungan pesara yang layak dibayar pencen terbitan ialah –

- i. balu atau balu-balu atau duda (bagi duda, isterinya hendaklah masih berkhidmat pada atau selepas 1.7.1980);
- ii. anak di bawah umur 21 tahun dan belum berkahwin. Bagi anak cacat yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, tiada had umur ditetapkan. Anak yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi layak diteruskan bayaran pencen terbitan melampaui umur 21 tahun sehingga tamat pengajian di peringkat ijazah pertama.

**Soalan:** Apakah yang harus dibuat oleh tanggungan/waris kepada pesara yang meninggal dunia?

**Jawapan** Sekiranya pesara tidak meninggalkan tanggungan yang layak dipertimbangkan pencen terbitan, waris terdekatnya harus memaklumkan Bahagian Pencen JPA tentang kematiannya dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:-

- i. salinan sijil kematian
- ii. salinan sijil perkahwinan / sijil pendaftaran perkahwinan. Walau bagaimanapun Surat Akuan Balu / Duda Yang Sah boleh diterima jika sijil berkenaan tidak diperolehi salinannya dari pihak-pihak berkenaan.
- iii. salinan sijil kelahiran / salinan kad pengenalan anak-anak yang berumur di bawah 21 tahun
- iv. salinan surat pengambilan dan pengesahan anak angkat, (jika berkenaan)
- v. dokumen-dokumen mengenai anak cacat dari Pakar Perubatan Kerajaan [Borang JPA.BP.UMUM.B04] dan Laporan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat serta gambar penuh anak cacat, (jika berkenaan)
- vi. sekeping gambar balu / duda (mana yang berkenaan)
- vii. Surat Akuan Pengesahan Penjaga [Borang JPA.BP.SPT.B02] (jika terdapat anak di bawah umur yang tidak di jaga oleh balu / duda).

**Soalan:** Apakah yang dimaksudkan dengan pembayaran pencen di bawah Skim A dan siapakah yang akan dibayar di bawah Skim ini?

**Jawapan** Pembayaran pencen di bawah Skim A membawa maksud bahawa pencen pesara akan terus dikreditkan ke akaun bank pesara di hari pembayaran pencen pada setiap bulan. Pesara boleh membuat pengeluaran pencennya di mana-mana cawangan bank berkenaan di seluruh negara.

Golongan pesara yang layak dibayar pencen di bawah Skim A ialah mereka - mereka yang mempunyai isteri/suami yang masih hidup yang dikahwini semasa dalam perkhidmatan.

**Soalan:** Apakah yang dimaksudkan dengan pembayaran pencen di bawah Skim B dan siapakah yang akan dibayar di bawah Skim ini?

**Jawapan** Pembayaran pencen di bawah Skim B membawa maksud bahawa untuk mendapatkan bayaran pencen mereka, pesara perlulah terlebih dahulu membuat tuntutan di mana-mana cawangan bank yang berkenaan, dengan mengisi borang tuntutan pencen yang boleh diperoleh di kaunter bank berkenaan. Ini bererti pesara/penerima pencen perlu menghadirkan diri ke bank setiap bulan untuk menandatangani borang tuntutan pencen sebelum bayaran pencen dikreditkan ke dalam akaunnya. Tiada perkreditan terus pencen ke akaun pesara akan dibuat di bawah Skim B.

Golongan pesara yang layak dibayar di bawah Skim B ialah mereka-mereka yang bujang atau yang telah kematian isteri/suami atau mempunyai suami/isteri yang dikahwini setelah bersara dan juga mereka yang menerima pencen terbitan/ pencen tanggungan.

**Soalan:** Apakah yang akan terjadi sekiranya pesara/penerima pencen di bawah Skim B tidak menuntut pencen mereka untuk beberapa bulan?

**Jawapan** Sekiranya pesara/penerima pencen di bawah Skim B tidak menuntut pencennya untuk tempoh enam bulan berturut-turut, pencen tersebut akan luput dan pihak bank akan memulangkan bayaran pencen tersebut kepada Bahagian Pencen, JPA. Pesara/penerima pencen tidak akan dapat menuntutnya lagi daripada bank tetapi mereka dikehendaki menghubungi Bahagian Pencen JPA untuk menuntut semula pencen tersebut.

**Soalan:** Bolehkan pencen dituntut oleh orang lain selain daripada pesara/penerima pencen?

**Jawapan** Pesara/penerima pencen boleh melantik seorang wakil diri untuk membantu beliau dalam urusan pencen dengan bank. Tetapi pelantikan wakil diri hanya dibenarkan di bawah Skim B sahaja. Untuk melayakkan wakil diri dilantik, pesara/penerima pencen tersebut mestilah seorang yang uzur dan keadaan keuzurannya perlu dibuktikan melalui surat pengesahan oleh sama ada Pegawai Perubatan Kerajaan atau doktor swasta, atau Pegawai Kebajikan Masyarakat atau

Pegawai Daerah. Pesara/penerima pencen perlu memohon kepada Bahagian Pencen JPA untuk pelantikan wakil diri tersebut melalui Borang (JPA.BP.SKP.B07) . Pelantikan wakil diri adalah sah untuk tempoh setahun dan boleh diperbaharui jika masih diperlukan oleh pesara/penerima pencen.

**Soalan:** Bolehkah pesara/penerima pencen menukar akaun bank?

**Jawapan** Pesara/penerima pencen boleh menukar akaun bank mereka tetapi notis sekurang-kurangnya dua bulan secara bertulis hendaklah diberi kepada Bahagian Pencen JPA sebelum akaun lama ditutup. Ini adalah untuk mengelakkan terputusnya bayaran pencen bulanan mereka.

Dalam keadaan di mana pesara/penerima pencen hilang buku akaun, adalah dinasihatkan agar akaun baru dibuka di bank yang sama supaya bayaran pencen boleh dipindahkan ke akaun baru tersebut. Jika akaun baru dibuka di bank lain, pembayaran pencen mungkin tergendala oleh kerana bayaran pencen yang telah dihantar untuk dikreditkan ke dalam akaun lama perlu dikembalikan oleh bank berkenaan kepada Bahagian Pencen JPA untuk diproses semula bagi pengkreditan ke dalam akaun baru di bank lain.

**Soalan** Apakah Itu Bayaran Khas Kewangan 2015 kepada pesara dan siapakah yang layak ke atas Bayaran Khas Kewangan Tersebut?

**Jawapan** YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 telah mengumumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bayaran Khas Kewangan sebanyak RM250 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

Bayaran Khas Kewangan ini akan diberi kepada semua pesara Perkhidmatan Awam (Persekutuan dan Negeri serta Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) yang layak menerima pencen pada atau sebelum 31 Disember 2014 termasuk ahli keluarga tanggungan pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada atau sebelum 30 Disember 2014 dan menerima pencen terbitan mulai 31 Disember 2014.

Sehubungan dengan itu, pesara dan penerima pencen yang dibayar melalui bank boleh mengeluarkan pembayaran tersebut mulai dari 15 Januari 2015. Semua pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank penerima pencen.

Penerima yang perlu mengisi Borang Tuntutan Pencen di kaunter bank (di bawah Skim B) tidak perlu berbuat demikian bagi mengeluarkan RM250 ini.

Bagi penerima yang dibayar melalui waran, waran akan diposkan pada bersama-sama dengan waran bulanan (Januari) dan boleh menunaikannya dengan serta merta.

Bayaran Khas Kewangan untuk pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Kementerian Pertahanan.

**Soalan** Apakah yang dimaksudkan dengan penyelarasan pencen sebanyak 2% setiap tahun?

**Jawapan** Mulai 1 Januari 2013 yang lalu, pesara/penerima pencen akan menerima penyelarasan pencen sebanyak 2% dari jumlah pencen yang diterima dari tahun sebelumnya. Penyelarasani akan dibuat secara automatik dan pembayaran akan dibayar mulai pada bulan Januari bagi tiap-tiap tahun. Penyelarasani adalah selaras dengan pindaan pada Akta Penyelarasani Pencen 1980 (Akta 238) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.